



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

# KENYATAAN MEDIA

## 5000 KAD *TOUCH n GO* PERCUMA SEMASA HARI BERSAMA PELANGGAN/CUSTOMER SERVICE DAY KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN AGENSI 2013

**PUTRAJAYA, 3 Jun 2013** – Hari Bersama Pelanggan/*Customer Service Day* (CSD) Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) Dan Agensi 2013 akan diadakan selama 3 hari bermula 7 hingga 9 Jun 2013 di Ruang Legar Aras 2, Stesen Sentral Kuala Lumpur.

Program yang bermula dari 9 pagi hingga 9 malam ini akan melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Pejabat Pengarah Tanah Galian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu, Yayasan Wilayah Persekutuan, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Lembaga Tabung Haji, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, Keretapi Tanah Melayu Berhad, Alam Flora Sdn Bhd, Touch n Go, Majlis Sukan Negara dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Ini sejajar dengan hasrat pihak kerajaan dalam melaksanakan *new blue ocean strategy* yang melibatkan pihak swasta dan NGO dalam program seumpama ini.

Program CSD KWP & Agensi 2013 ini akan memberikan peluang kepada warga kota untuk mendapatkan maklumat berkaitan produk/perkhidmatan/program Kementerian dan agensi dengan lebih jelas dan cepat di *booth* pameran dan kaunter perkhidmatan yang disediakan. Selain itu, Program CSD KWP & Agensi 2013 ini juga akan memberi peluang kepada orang ramai dalam mendapatkan perkhidmatan Kementerian dan Agensi secara terus tanpa perlu ke pejabat seperti pembayaran dan diskau cukai walaupun selepas waktu bekerja dan hujung minggu.

Seramai 5,000 pengunjung bertuah juga berpeluang untuk mendapatkan kad *Touch n Go* secara percuma di kaunter KWP dengan mengisi

Borang Kajian Kepuasan Pelanggan KWP sepanjang CSD KWP & Agensi 2013 ini berlangsung. Pihak *Touch n Go* yang merupakan *main program partners* CSD KWP & Agensi 2013 turut sama dalam menjayakan *Customer Rewards Program* khususnya kepada warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Pertandingan Mewarna Bendera Wilayah Persekutuan turut diadakan pada 7 Jun 2013 (Jumaat) dari jam 3 hingga 5 petang yang bakal melibatkan penyertaan kanak-kanak berumur 5 hingga 6 tahun. Dianggarkan seramai 1,500 orang kanak-kanak sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya akan menyertai pertandingan ini yang menawarkan hadiah wang tunai dan pelbagai *goodies* menarik daripada *program partners* iaitu Alam Flora Sdn Bhd, Berjaya Corporation Berhad, Keretapi Tanah Melayu Berhad, Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd., Glaxosmithkline Consumer Healthcare Sdn. Bhd. dan KFC Holdings (Malaysia) Sdn Bhd.

Pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad turut memberikan perkhidmatan komuter secara percuma dari Stesen Petaling, Stesen Pantai Dalam dan Stesen Angkasapuri ke Stesen KL Sentral kepada kanak-kanak yang menyertai pertandingan mewarna ini. Kanak-kanak yang berminat untuk menyertai pertandingan ini boleh membuat pendaftaran melalui email [csd@kwpkb.gov.my](mailto:csd@kwpkb.gov.my).

Orang ramai adalah dijemput untuk hadir bersama ke Program CSD KWP & Agensi 2013 dan diharapkan melalui program ini dapat memudahkan akses orang ramai terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian dan agensi. Program ini juga akan dapat memperkuuhkan lagi interaksi dan memberi pendekatan yang lebih mesra antara Kementerian dan agensi dengan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**DATO' ADNAN BIN MD IKSHAN**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan

3 Jun 2013